



جایتن اکام اسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(50)

Tarikh: 09 Zulkaedah 1446H
07 Mei 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	9 Mei 2025 / 11 Zulkaedah 1446
Tajuk	Belia Berkeyakinan: Memenuhi Wawasan Dunia Akhirat

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018. Mohon pihak Jawatankuasa atau khatib bertugas membuat pengumuman yang dilampirkan pada Teks Khutbah sebelum bermula solat Jumaat.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

“PERAK SEJAHTERA 2030”



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"BELIA BERKEYAKINAN: MEMENUHI WAWASAN DUNIA AKHIRAT"

9 Mei 2025 / 11 Zulkaedah 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ^١ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ^٢ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ^٣ أُوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Menjelang sambutan Hari Belia Negara pada 15 Mei, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**BELIA BERKEYAKINAN: MEMENUHI WAWASAN DUNIA AKHIRAT**"

Firman Allah SWT, ayat 23 surah Yusuf dan ayat 26 surah al-Qasas:

﴿ وَرَأَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ وَغَلَقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ وَرَبِّيْ أَحَسَنَ مَثَوَّاً لِيْ إِنَّهُ لَا يُقْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴾ ٣٣

Bermaksud: Dan perempuan (isteri tuan rumah) tempat tinggal Yusuf itu cuba menggoda Yusuf supaya berkehendak dengannya. Dia menutup pintu-pintu di rumahnya seraya merayu (kepada Yusuf), "Marilah ke mari, dekat dengan ku" Yusuf menjawab, "Aku berlindung kepada Allah (daripada perbuatan yang keji ini) sesungguhnya tuanku (suami wanita itu) telah menyediakan tempat tinggal yang terbaik kepadaku. "Sesungguhnya orang yang jahat (zalim) tidak akan berjaya.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



﴿قَالَتِ إِحْدَى لَهُمَا يَا أَبَتْ أَسْتَعْجِرُ عَلَىٰ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَعْجَرَتِ الْقَوْىُ الْأَمِينُ﴾
٢٦

Bermaksud: "Salah seorang daripada kedua-dua perempuan itu berkata, "Wahai ayah ku, jadikanlah dia (Musa AS) sebagai pekerja (kita), sesungguhnya orang yang paling baik yang ayah ambil sebagai pekerja ialah orang yang kuat lagi amanah".

Berpandukan Rang Undang-undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019, di Malaysia, belia ditakrifkan lelaki dan wanita dalam lingkungan usia 15 hingga 30 tahun. Belia dalam negara kita berjumlah 9.6 juta orang, mewakili 29 peratus daripada jumlah penduduk. Para ilmuwan Islam menyifatkan zaman keemasan seseorang berlaku ketika usia muda, kerana mereka dianugerahi oleh Allah SWT dengan pelbagai kelebihan, seperti memiliki tubuh badan yang kuat, semangat juang yang tinggi, keyakinan yang kukuh, keberanian menempuh cabaran, keupayaan berfikir secara kritis, dan kegigihan mahu mencapai impian. Sayugia diingatkan kelebihan yang dimiliki oleh belia, wajib bertunjangkan tauhid kepada Ilahi serta dilengkapi ilmu yang bermanfaat, agar mereka dapat memberikan sumbangan bermakna untuk kebaikan dunia dan kesejahteraan akhirat.

Watak "kepemudaan" yang hebat terbukti dalam pelbagai kisah yang terkandung dalam al-Quran. Firman Allah SWT yang khatib bacakan pada awal khutbah wajar diteladani oleh ummah, khususnya oleh para belia. Ayat 23 surah Yusuf menceritakan Nabi Yusuf AS sewaktu usia muda, digoda melakukan maksiat. Asbab berpegang teguh dengan syariat Allah, serta meyakini bahawa setiap perbuatan keji bakal mengundang kemurkaan Ilahi, Nabi Yusuf AS tekad menolak perbuatan tersebut sekali pun dipaksa oleh wanita bangsawan yang mempunyai pengaruh dan kedudukan.

Manakala ayat 26 surah al-Qasas menceritakan kisah Nabi Musa AS sewaktu usia muda, membantu memudahkan kerja memberi minum haiwan ternakan; lalu dilamar oleh seorang wanita, ditawarkan bekerja bersama ayahnya,



kerana Nabi Musa AS dilihat pemuda yang mempunyai dua ciri; pertama, *al-Qawiy* (kuat), kedua, *al-Amin* (amanah). *Al-Qawiy* menggambarkan bukan sekadar kekuatan fizikal, malah merangkumi kekuatan dalaman, memiliki jiwa yang kuat, keupayaan mengurus emosi, keyakinan pada kebolehan dan potensi diri, di samping melaksanakan tanggungjawab dengan amanah.

Dua kisah tersebut, memberikan pengajaran bahawa orang muda selayaknya memiliki iman yang teguh – jati diri yang kukuh, agar berupaya menjunjung syariat Ilahi, membendung diri daripada perbuatan yang dimurkai; di samping berterusan meningkatkan keyakinan dan kebolehan diri yang diterjemahkan melalui sikap dan kelakuan baik, serta sentiasa bersegera dalam perkara kebaikan yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

Jemaah yang dikurniai fadilat Ilahi

Wawasan dunia dan akhirat, hendaklah dijadikan matlamat dalam menyempurnakan amanah sebagai khalifah Allah di bumi ini; iaitu berusaha memakmurkan dunia dengan perkara kebaikan dan kemajuan berpandukan syariat Ilahi; di samping menghindari perkara-perkara yang boleh mendatangkan mudarat, agar berjaya meraih kebahagiaan di akhirat. Sifat yakin pada kebolehan diri – percaya bahawa kesungguhan membawa kejayaan, harus menjadi nadi dalam jiwa para pemuda. Belia yang yakin pada kebolehan diri, dan belia yang memiliki kesungguhan, berupaya memetakan perancangan, tujuan dan matlamat hidup, malah dapat mengembangkan bakat dan potensi diri, di samping berupaya menangani cabaran dan kesulitan yang dihadapi.

Menghargai pentingnya peranan anak muda sebagai khazanah negara dan merupakan pemimpin masa hadapan, kerajaan telah mewujudkan Dasar Pembangunan Belia Negara yang mencorakkan belia dengan nilai-nilai luhur dan berwawasan. Anugerah Perdana Belia Negara yang dicalonkan kepada anak muda dan pertubuhan belia, menandakan pengiktirafan dan penghargaan negara terhadap sumbangan bakti dan pencapaian belia dalam pelbagai bidang. Malah penglibatan anak muda semakin ditingkatkan



dalam pelbagai peringkat pentadbiran dan pengurusan kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, institusi dan masyarakat.

Para belia hendaklah bijak mengambil peluang, menggunakan masa muda sebaik-baiknya, berusaha meningkatkan ilmu, menyebarkan kebaikan, serta mengerjakan amal bakti dan amal jariah yang boleh membawa manfaat kepada diri, ummah, negara serta dunia.

Jemaah Rahimakumullah

Ketika meniti usia muda menuju alam dewasa, para belia bakal menghadapi pelbagai cabaran duniawi berbentuk godaan nafsu, hiburan, kebendaan, pujian, jawatan dan pelbagai lagi. Untuk itu mimbar menitipkan beberapa pesanan kepada para belia:

Pertama: Meneladani sifat-sifat "*kepemudaan*" yang terkandung dalam al-Quran serta teladan kesungguhan yang ditunjukkan oleh para ilmuwan dalam semangat mahu meningkatkan pengetahuan dan kepakaran; gunakan masa sebanyak mungkin untuk membaca dan menghadiri majlis-majlis ilmu.

Kedua: Mempamerkan sifat-sifat insan bertakwa dengan mengamalkan akhlak mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah serta melakukan yang makruf – menjauhi yang mungkar.

Ketiga: Berpegang teguh pada prinsip kebenaran – menjulang keadilan, bijak mentafsirkan antara permata dan kaca; memiliki keberanian, lalu dengan berani lagi berhikmah menyuarakan teguran terhadap kemungkaran yang berlaku, seperti penyelewengan, rasuah, pecah amanah, salah guna kuasa, ketidakadilan, sekali pun kemungkaran tersebut dilakukan oleh pemimpin negara, majikan, ketua, guru, ahli keluarga, sahabat taulan, atau jiran tetangga.

Keempat: Menjauhkan diri terlibat dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan aqidah dan moral seperti berfoya-foya, berjudi dan bergaul bebas tanpa batas.



Kelima: Menjaga kesihatan dengan mengambil makanan seimbang, beriadah, tidur dan rehat yang cukup, dan tinggalkan amalan-amalan yang merosakkan kesihatan seperti makan dan mengambil gula berlebihan, mengambil dadah, merokok dan menghisap vape, berjaga malam atau lewat tidur.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبِيلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلٌ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى أَلِهٖ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا⁷

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ
إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Hadi! Ya Wahhab bimbing para belia kami, memanfaatkan usia muda mereka dengan amal kebaikan. Kurniai para belia kami sifat keyakinan diri – sifat kesungguhan berusaha, keteguhan iman serta ilmu bermanfaat agar mereka berupaya menabur bakti kepada agama, bangsa, negara dan dunia, seterusnya berjaya memenuhi wawasan dunia dan akhirat.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhamimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 9 MEI 2025

PERKARA: “PEMAKLUMAN KUTIPAN DANA KECEMASAN SELAMATKAN MASJID JAMEK AR-RIDZUAN ALOR PONGSU BAGAN SERAI”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah yang dimuliakan

Berhubung isu membabitkan Masjid Jamek Ar-Ridzuan Alor Pongsu Bagan Serai, di kesempatan ini izinkan saya membuat pencerahan kepada Jemaah sekalian. Pada asasnya Masjid Jamek Ar Ridzuan ini telah dibina pada tahun 1931 di atas tanah yang diwakafkan oleh seorang individu bagi membolehkan masyarakat di sekitar kawasan tersebut menjalankan kegiatan ibadah.

Namun, waris kepada pewakaf tanah tersebut telah menjual bahagian beliau kepada pembeli bukan beragama Islam, yang lokasinya bersebelahan dengan tapak masjid lalu sebahagian ruang binaan masjid merangkumi tempat wuduk, tandas dan dewan solat muslimat telah memasuki atas tanah yang dijual, yang kini mempunyai pemilik. Keadaan ini mengancam kedudukan masjid kerana individu pemilik tanah menuntut haknya menyebabkan masjid menghadapi risiko kemungkinan dirobohkan sebahagian ruang binaan masjid.

Menjadi tanggungjawab umat Islam di negeri ini bersama-sama menyelamat dan mengekalkan kelestarian Masjid Jamek Ar-Ridzuan. Masjid adalah nadi umat Islam, pusat kegiatan ummah dan melambangkan syiar Islam. Oleh itu dipohon kepada Jemaah sekalian menghulurkan sumbangan kepada tabung khas yang disediakan oleh pihak masjid seterusnya bersetuju mendermakan sekurang-kurangnya satu minggu atau dua minggu kutipan tabung masjid untuk kegunaan mengumpul dana sebanyak RM1.8 juta sebagai jumlah yang diperlukan bagi membeli balik atau menebus tanah Masjid Jamek Ar-Ridzuan ini.

Sumbangan yang Jemaah lakukan menandakan hati yang pemurah – sifat yang dermawan sebagai sokongan terhadap usaha ini juga menunjukkan solidariti ummah demi kepentingan umat Islam. Semoga Allah SWT memberkati harta kita dan dipermudahkan segala urusan di dunia dan di akhirat. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.